

PENGALAMAN PEMBELAJARAN INFORMAL DALAM KALANGAN USAHAWAN BUMIPUTERA PERUSAHAAN KECIL DAN SEDERHANA (PKS) DI BESUT, TERENGGANU

Nur Ain Mastura Zakaria, Mohd Azhar Abdul Hamid, Irmawati binti Norazman & Kassim bin Thukiman

*Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Sekolah Pembangunan Sumber Manusia dan Psikologi,
Universiti Teknologi Malaysia, 81310 UTM Johor Bahru, Johor, Malaysia*

*Corresponding author nurain121296@gmail.com

Received: 1 June 2020

Received in revised form: 31 November 2020

Accepted: 10 Disember 2020

Published : 15 Disember 2020

Abstrak

Kajian dilakukan untuk meneroka pengalaman pembelajaran informal dalam kalangan usahawan bumiputera Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) di Besut, Terengganu dengan menggunakan kaedah kualitatif sepenuhnya melalui kaedah temubual semi struktur dan teknik persampelan bertujuan. Tiga objektif yang dikaji iaitu (i) mengenalpasti apakah kepentingan pembelajaran informal, (ii) mengenalpasti bagaimana pembelajaran informal berlaku, dan (iii) mengkaji kesan pembelajaran informal yang berlaku dalam perniagaan pengusaha PKS. Maklumat yang diperolehi telah dianalisis menggunakan kaedah analisis tematik. Hasil kajian menunjukkan bahawa pembelajaran informal adalah sangat penting kepada pengusaha PKS dalam meningkatkan mutu perniagaan mereka. Cadangan kepada pengkaji akan datang melibatkan kajian menggunakan metodologi seperti *Grounded Theory*, menggunakan kajian campuran dan kaedah hermeneutik untuk menganalisis data.

Kata kunci: *Pengusaha PKS, kepentingan, strategi, kesan, pembelajaran informal*

Abstract

The purpose of this study is to explore informal learning experiences among Small and Medium Enterprise (SME) bumiputera entrepreneurs at Besut, Terengganu. The method of this study is using qualitative methods through semi-structured interviews and purposive sampling techniques. There are three objectives of this study which were (i) to identify the importance of informal learning, (ii) to identify the strategy of informal learning, and (iii) the effect of informal learning. The information obtained was analyzed using thematic analysis method. The results show that informal learning was very important to SME entrepreneurs in order to improve the quality of their business. Suggestions for future researchers involve study to use Grounded Theory method, using quantitative and qualitative research and also using hermeneutic method to analyze the data.

Key words: *Small and Medium Enterprise (SME), importance, strategy, effect, informal learning*

© 2020 Penerbit UTM Press. All rights reserved

1.0 PENGENALAN

Pembelajaran merupakan suatu perkara yang boleh membantu setiap manusia untuk meningkatkan kemahiran mereka. Melalui pembelajaran mereka boleh mengembangkan bakat mereka dalam semua bidang yang mereka ceburi termasuk bidang perniagaan. Pembelajaran dianggap sebagai perolehan maklumat dan pengetahuan, penguasaan kemahiran dan tabiat, serta pembentukan sikap dan kepercayaan.

Pembelajaran informal merujuk kepada pengalaman kehidupan seharian dan melalui pengalaman tersebut individu mempelajari sesuatu (Merriam, Caffarell & Baumgartner, 2007). Melalui pembelajaran informal pelbagai kerjaya boleh dilakukan antaranya menjadi seorang usahawan, pelukis, tukang masak dan sebagainya. Sebagai contoh, untuk menjadi seorang tukang masak tidak memerlukan sijil sebaliknya hanya memerlukan kemahiran memasak. Mereka boleh belajar cara untuk memasak melalui pemerhatian, pengalaman, minat, sumber-sumber internet dan sebagainya.

Berdasarkan Laporan Banci Ekonomi 2011: Profil Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) (bagi tahun rujukan 2010) yang dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia, jumlah PKS di Malaysia adalah sebanyak 645, 136. Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Johor merupakan tiga negeri tertinggi yang mempunyai PKS yang berjaya (Sumber: Banci Ekonomi 2011, Profil Perusahaan Kecil dan Sederhana (tahun rujukan 2010), Jabatan Perangkaan Malaysia).

Latar Belakang Kajian

Menurut laporan Jabatan Perangkaan Malaysia telah membentangkan profil terkini PKS yang merangkumi pertubuhan bersaiz mikro, kecil dan sederhana di Malaysia. Perangkaan yang diperoleh dikumpul melalui Banci Ekonomi yang dijalankan pada tahun 2011 bagi tahun rujukan 2010, banci ini meliputi semua aktiviti ekonomi yang dikenal pasti di Malaysia. Data yang dibentangkan dalam laporan ini terbahagi kepada lima (5) sektor utama iaitu pertanian, perlombongan dan pengkuarian, pembinaan, pembuatan dan perkhidmatan. Secara umumnya, PKS di Malaysia adalah ditakrifkan seperti berikut: Sektor Pembuatan: Nilai jualan tahunan kurang daripada RM25 juta ATAU jumlah pekerja sepenuh masa kurang daripada 150 orang. Perkhidmatan dan sektor-sektor lain: Nilai jualan tahunan kurang daripada RM5 juta ATAU jumlah pekerja sepenuh masa kurang daripada 50 orang. PKS banyak memberi sumbangan kepada negara dari segi kestabilan ekonomi dan membuka banyak peluang pekerjaan kepada penganggur (Banci Ekonomi 2011, Profil Perusahaan Kecil dan Sederhana-tahun rujukan 2010).

Tujuan kajian ini dilakukan adalah untuk melihat apakah kepentingan pembelajaran informal kepada pengusaha PKS dan apakah kesan kepada perniagaan mereka. Selain itu, kajian ini untuk mengetahui bagaimana pembelajaran informal berlaku pada pengusaha. Hal ini kerana, pembelajaran informal merujuk kepada pengalaman kehidupan seharian dan bagaimana individu tersebut mempelajari sesuatu daripada pengalaman mereka (Merriam, Caffarella & Baumgartner, 2007).. Kajian ini turut mengkaji kesan pembelajaran informal dan bagaimana mereka mengambil iktibar daripada sesuatu perkara yang mereka lakukan dalam kehidupan seharian mereka.

Pernyataan Masalah

Pembelajaran informal banyak membantu semua pihak terutamanya mereka yang berminat untuk menceburi bidang perniagaan. Melalui pembelajaran informal mereka dapat meningkatkan kemahiran dan pengetahuan mereka tentang PKS. Menurut Berg dan Chyung, 2006, mereka berkata pembelajaran informal juga dapat menggalakkan pembelajaran sendiri (*self-directed learning*). Pengusaha berminat untuk belajar dan meningkatkan kemahiran serta melalui pengalaman mereka akan cuba untuk menjadi pengusaha yang berjaya. Hal ini kerana pembelajaran informal berlaku dalam kegiatan harian kita sama ada secara langsung atau tidak.

Kajian ini dilakukan adalah untuk mengetahui dengan lebih lanjut apakah kepentingan pembelajaran informal kepada pengusaha PKS dan bagaimana berlakunya pembelajaran tersebut kepada mereka. Menurut Eraut (2004), pembelajaran informal merupakan pembelajaran yang tidak berstruktur dan dikawal sepenuhnya oleh pelajar. Pelajar bebas menentukan corak pembelajaran mereka sendiri. Oleh itu, kajian ini dilakukan untuk melihat bagaimana mereka menjadikan sesuatu perkara sebagai pembelajaran baharu untuk mereka memulakan atau mengembangkan perniagaan mereka. Menurut Barjoyai dalam Nik, Azmi & Najwa (2012), keusahawanan ialah sikap, nilai, pengetahuan dan kemahiran yang membolehkan seseorang itu cekap mencari, mengenal, merebut peluang dan menterjemah kepada strategi dan usaha perniagaan bagi mendapat keuntungan. Selain itu, kajian ini turut dilakukan untuk mengetahui kesan pembelajaran informal tersebut kepada perniagaan pengusaha PKS. Setiap individu mempunyai kesan yang berbeza dalam perusahaan mereka kerana menurut Aziz, Abdullah, Azlan, Osman & Syahira (2011), usahawan merupakan individu yang mempunyai kebolehan, kecenderungan serta kemampuan untuk melakukan pembaharuan, mencari peluang perniagaan dan melakukan perniagaan yang akan memberi manfaat kepada diri sendiri dan jugamasyarakat.

Walaupun bagaimanapun, kajian lepas tentang PKS tidak banyak berkaitan dengan pembelajaran informal. Kajian ini dilakukan untuk mengenal pasti bagaimana usahawan boleh belajar untuk membangunkan perniagaan mereka melalui pembelajaran informal. Sebagai contoh, kajian yang dilakukan oleh Zaimah (2017), beliau hanya mengukur tahap keupayaan usahawan PKS di Kuala Terengganu. Tahap keupayaan usahawan tersebut diukur berdasarkan kepada tiga domain utama, iaitu keupayaan kepimpinan peribadi, keupayaan kemahiran pengurusan dan keupayaan proaktif. Begitu juga dengan kajian yang dilakukan oleh Norashidah Hashim, Norasmah & Noraishah pada tahun 2009 di mana kajian ini adalah untuk mengenal pasti elemen kesediaan yang wujud pada seseorang dalam usaha menyediakan mereka untuk menceburi kerjaya keusahawanan.

Namun begitu, pengkaji tidak ingin mengkaji tentang tahap kesediaan usahawan PKS tetapi kajian ini dilaksanakan untuk mengkaji proses pembelajaran informal yang berlaku dalam kalangan usahawan PKS. Pengkaji ingin mengkaji bagaimana pembelajaran informal dapat membantu usahawan PKS untuk membangunkan perniagaan mereka sendiri. Hal ini kerana, pembelajaran informal merupakan pembelajaran yang berlaku di dalam kehidupan seharian mereka sama ada melalui pengalaman, pemerhatian, percubaan dan kesalahan atau melayari internet. Oleh itu, kajian yang ingin dilakukan sangat berbeza dengan pengkaji lepas yang hanya mengkaji tentang tahap kesediaan usahawan PKS.

Objektif Kajian

Objektif kajian ini adalah untuk mengenalpasti

- i. Kepentingan pembelajaran informal kepada pengusaha PKS.
- ii. Strategi pembelajaran informal berlaku dalam kalangan pengusaha PKS
- iii. Kesan pembelajaran informal yang berlaku dalam perniagaan pengusaha PKS.

2.0 KAJIAN LITERATUR

Kajian-Kajian Lepas

Kajian yang dilakukan oleh Hasrul Hasnizam (2012) yang bertajuk “*Hubungan Antara Aktiviti Pembelajaran Informal Dengan Prestasi Pekerja di Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis*” bertujuan untuk mengenal pasti hubungan antara aktiviti pembelajaran informal dengan prestasi pekerja. Dapatan kajian mendapati, tahap aktiviti pembelajaran informal dan prestasi kerja pekerja adalah berada pada tahap yang tinggi.

Kajian yang dilakukan Sharafizad (2018) yang berjudul “*Informal learning of women small business owners*” bertujuan untuk mengkaji tingkah laku pembelajaran informal dalam kalangan pemilik pengusahaan kecil. Hasil kajian menunjukkan bahawa pemilik pengusahaan kecil mempunyai kebergantungan yang kuat terhadap pembelajaran tidak formal. Informan menggunakan pengalaman dan pengetahuan mereka untuk memulakan pengusahaan.

Kajian yang dilakukan Azmi Abdul Manaf, Nik Hairi Omar dan Najwa Hanis Azmi pada tahun 2012 yang berjudul “*potensi keusahawanan dan ciri-ciri keusahawanan dalam kalangan pelajar sekolah menengah*” membincangkan tahap potensi keusahawanan dan ciri-ciri keusahawanan dalam kalangan pelajar sekolah menengah. Kajian ini berbentuk kuantitatif yang menggunakan kaedah soal selidik. Seramai 50 orang pelajar yang aktif dalam aktiviti keusahawanan dari tiga buah sekolah di daerah Batu Pahat Johor telah dipilih sebagai responden. Dapatan kajian menunjukkan bahawa potensi keusahawanan dan ciri-ciri keusahawanan pelajar berada pada tahap tinggi.

Norashidah Hashim, Norasmah Othman & Noraishah Buang telah membuat satu kajian pada tahun 2009 yang berjudul “*Konsep Kesediaan Keusahawanan Berdasarkan Kajian Kes Usahawan Industri Kecil dan Sederhana (IKS) di Malaysia*” di mana kajian ini meneroka konsep kesediaan keusahawanan berdasarkan kajian kes pengalaman laluan kerjaya enam orang usahawan Industri Kecil Sederhana (IKS) pelbagai industri dalam konteks Malaysia. Data daripada temu bual tentang pengalaman usahawan tersebut mendedahkan konsep kesediaan keusahawanan yang terdiri daripada dua kategori utama iaitu kemahuan dan kebolehan. Elemen kemahuan dibahagikan kepada kesediaan sikap, kekuatan kerohanian dan kesediaan pembelajaran. Manakala kategori kebolehan terdiri daripada kesediaan aspek pemikiran keusahawanan, vokasional keusahawanan dan pengetahuan keusahawanan.

Kesimpulannya, kajian-kajian lepas banyak mengkaji tentang pembelajaran informal. Namun begitu, kajian-kajian tersebut banyak dilakukan terhadap pekerja dalam organisasi. Kajian yang dilakukan tidak banyak mengkaji bagaimana usahawan memulakan perniagaan mereka dan bagaimana proses pembelajaran mereka berlaku. Kajian lepas terhadap keusahawanan juga banyak mendorong ke arah tahap kesediaan seseorang untuk menjadi usahawan namun tidak mengkaji tentang bagaimana pengusaha tersebut memperoleh pengetahuan dan proses pembelajaran mereka untuk memulakan perniagaan. Kajian yang dilakukan Sharafizad (2018), beliau mengkaji tingkah laku pembelajaran informal dalam kalangan pemilik pengusahaan kecil. Namun begitu, kajian-kajian yang dilakukan tidak banyak menjelaskan tentang bagaimana pengusaha PKS menggunakan pembelajaran informal dalam perniagaan mereka. Oleh itu, kajian ini dilakukan untuk melihat bagaimana pembelajaran informal membantu para pengusaha memulakan dan meningkatkan perniagaan mereka. Kajian yang dilakukan dapat melihat proses pembelajaran informal yang terlibat dalam diri usahawan PKS.

Pembelajaran Informal


Pembelajaran informal merupakan pembelajaran yang berlaku di dalam kehidupan seharian melalui pengalaman, pemerhatian, percubaan dan kesalahan dan melayari internet. Dua situasi pembelajaran informal telah dikenal pasti oleh Livingston (2001) iaitu pembelajaran atau latihan informal. Pembelajaran sosial boleh berlaku secara spontan ataupun dirancang. Pembelajaran informal merujuk kepada pengalaman kehidupan seharian dan bagaimana individu tersebut mempelajari sesuatu daripada pengalaman mereka (Merriam, Caffarella & Baumgartner, 2007). Menurut Marsick dan Watkins (2001) menterjemahkan bahawa pembelajaran informal sebagai pembelajaran yang tidak berasaskan bilik darjah, tidak berstruktur dan hanya dikawal sepenuhnya oleh pelajar. Cseh, Watkins & Marsick (1998) berkata bahawa pembelajaran informal merupakan pembelajaran yang berlaku secara tidak sengaja yang boleh berlaku tanpa disedari atau daripada hasil percubaan dan kesalahan.

Pengusahaan Kecil dan Sederhana (PKS)

Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) merupakan satu perniagaan yang dapat dibezakan melalui beberapa ciri seperti jenis keluaran, modal, organisasi, lokasi, bilangan pekerja dan teknologi pengeluaran (Laporan Tahunan Perusahaan Kecil dan Sederhana SME Corp. Malaysia). Menurut Majlis Pembangunan PKS Kebangsaan (MPPK), Perusahaan Kecil dan Sederhana yang merangkumi semua sektor iaitu perkhidmatan, pembuatan, pertanian, pembinaan dan perlombongan & pengkuarian. Antara contoh PKS adalah seperti industri makanan, tekstil, perabot dan kraftangan. PKS bermula daripada perniagaan kecil-kecilan dan kebiasaannya diusahakan oleh golongan luar bandar. PKS mempunyai carta organisasi yang agak mudah di mana pengusaha sendiri berperanan sebagai pengurus dan mereka juga bekerja bersama pekerja-pekerja di kilang mereka. Menurut Zaimah R. & Sazuani Abdullah (2017) berkata bahawa PKS merupakan satu inisiatif kerajaan bagi mengurangkan kadar kemiskinan di Malaysia dan juga mengurangkan pendapatan antara penduduk di luar bandar. Selain dari pada mewujudkan peluang pekerjaan, PKS memainkan peranan penting dalam menyumbang kepada kemakmuran syarikat besar dan multinasional. Mereka meningkatkan industri melalui kreativiti dan inovasi mereka (Laila, Nik Mustapha & Zarina, 2004). Selain itu, PKS juga dapat membuka banyak peluang pekerjaan kepada individu yang sedang menganggur. Hal ini kerana, untuk mencari pekerjaan bukan sesuatu yang mudah dan persaingan semakin sengit.

Model Pembelajaran Informal

Pembelajaran informal merupakan pembelajaran sepanjang hayat yang berlaku dalam kehidupan seharian secara langsung atau tidak. Marsick dan Watkins telah memperkenalkan konsep ini pada tahun 1990 dan telah dikemas kini oleh Cseh pada tahun 1999. Konteks merupakan pembelajaran yang sentiasa berlaku dalam kehidupan seharian seperti melalui pengalaman, pemerhatian dan percubaan dan kesalahan. Elemen-elemen yang lain merupakan proses pembelajaran informal yang berlaku. Marsick & Volpe (1999) berpendapat bahawa pembelajaran informal merupakan proses interaksi yang berlaku disebabkan oleh keadaan atau situasi yang terhasil daripada pengalaman dan situasi yang tidak terduga boleh berlaku secara dalaman atau luaran.



Rajah 2.1 Model Pembelajaran Informal dan Pembelajaran Insidental yang diambil oleh Cseh (1999)

Model Pembelajaran Arah Kendiri

LeJeune (2002) telah memperkenalkan model yang berkaitan pembelajaran arahan sendiri yang mempunyai kaitan dengan pembelajaran dewasa. Menurut beliau, terdapat empat komponen utama yang penting untuk pembelajaran arahan sendiri iaitu ciri-ciri peribadi individu, keupayaan dan kemahiran, prestasi atau tingkah laku seseorang dan motivasi individu ke arah pembelajaran. Setiap ciri mempunyai peranan yang tersendiri untuk membolehkan pembelajaran arahan sendiri berlaku dalam kalangan dewasa.



Rajah 2.2 Komponen Pembelajaran ArahanKendiri Sumber: LeJeune (2002)

3.0 METODOLOGI

Reka Bentuk Kajian

Reka bentuk kajian merujuk kepada bagaimana untuk mendapatkan maklumat bagi mencapai sesuatu matlamat kajian (Mohd Majid, 1994). Berdasarkan pengkaji lepas iaitu, Chinelo Igwenagu (2016) menyatakan bahawa reka bentuk kajian adalah satu teknik yang sistematik digunakan dalam penyelidikan. Hal ini menunjukkan bahawa reka bentuk kajian adalah panduan untuk penyelidikan dan

bagaimana ianya dilaksanakan.

Pengkaji menggunakan reka bentuk kajian kualitatif dalam kajian ini. Menurut Patton (1990), menyatakan bahawa data kualitatif terbentuk daripada tiga jenis data iaitu hasil pemerhatian, hasil pembicaraan dan bahantertulis.

Antara reka bentuk kajian yang digunakan dalam kajian ini adalah pendekatan fenomenologi. Kajian terhadap fenomenologi dalam kajian kualitatif adalah usaha untuk mendalami pengalaman hidup seseorang dan bagaimana pengalaman individu tersebut menunjukkan kaitan terhadap tingkah laku mereka pada masa akandatang.

Persampelan

Kajian ini menggunakan kaedah persampelan bertujuan. Persampelan secara bertujuan adalah persampelan yang telah memberi tujuan terhadap kriteria atau ciri tertentu yang bersesuaian dengan fokus kajian yang akan dilaksanakan. Kajian ini dilakukan adalah untuk mengetahui pengalaman pembelajaran informal dalam kalangan pengusaha PKS. Oleh itu, sampel kajian ini akan menumpukan pengusaha PKS yang tinggal di luar bandar sahaja. Mohd Azhar (2012), menjelaskan bahawa bilangan sampel bagi kajian kualitatif adalah dalam bilangan yang kecil. Umumnya, persampelan hanya tertakluk kepada objektif penyelidikan yang akan dilaksanakan dan juga ciri-ciri populasi yang akan dikaji. Menurut Bhasah & Yuslina (2013) menyatakan bahawa proses reka bentuk persampelan merupakan satu proses yang mana kita membuat persampelan atau memilih sampel yangbaik.

Pengurusan dan Analisis Data

Data telah dikumpul menggunakan kaedah temubual. Seramai lima orang pengusaha PKS yang tinggal di Besut dipilih untuk ditemubual. Siti Amanah (2011) menyatakan bahawa temubual ini dijalankan untuk memastikan demonstrasi model hidup benar-benar dapat meningkatkan minat, pemahaman dan penguasaan sampel dalam aktiviti kolaj. Temubual merupakan sesuatu perkara yang istimewa dalam kajian kerana pengkaji boleh bersemuka dengan responden dan mereka bersana-sama membantu dan menerima dengan baik maklumat yang diberikan oleh responden, Hasmira (2017). Fadiyah (2015) menyatakan secara khususnya, kaedah temu bual membolehkan responden untuk membuat semakan atau pembedulan pada suatu maklumat yang dikongsi oleh responden secara sertamerta.

Analisis kajian kualitatif melibatkan beberapa proses seperti proses transkrip data, saringan data, pembinaan tema, pengkodan tema dan paparan hasil data. Semua data yang diperolehi dipecahkan mengikut tema dan subtema yang akan ditentukan oleh pengkaji sendiri. Analisis data merupakan tugas yang paling penting untuk semua peringkat penyelidikan. Melalui temubual pengkaji memberi kod terhadap nama responden dan teks temubual seperti PB38/01.

4.0 ANALISIS DATA

Demografi Informan Kajian

Seramai lima informan yang telah ditemubual dalam kajian ini. Mereka telah dipilih dengan menggunakan kaedah persampelan bertujuan. Kesemua informan adalah terdiri daripada usahawan seorang lelaki dan empat orang perempuan. Tiga daripada mereka beragama Islam manakala dua daripadanya menganut agama Buddha. Empat daripada informan memiliki tahap pendidikan SPM namun hanya seorang yang memiliki tahap pendidikan hanya sekolah rendah. Kesemua mereka berasal daripada negeri Terengganu. Kesemua informan ialah mereka yang telah memulakan perniagaan lebih daripada tiga tahun dan berumur di antara 28 tahun hingga 60 tahun. Pemilihan sampel kajian ialah mereka yang mempunyai perniagaan sendiri yang dikategorikan sebagai Pengusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) dan tinggal di luar bandar.

Kepentingan Tentang Pembelajaran Informal Dalam Kalangan Pengusaha PKS

Hasil kajian telah mendapati lima kepentingan pembelajaran informal kepada pengusaha PKS. Antaranya adalah ilmu perniagaan, pengurusan kewangan, kemahiran menarik pelanggan, kemahiran mengenali produk, kepelbagaian produk dan pengurusan stok.

Ilmu Perniagaan

Pembelajaran informal membolehkan mereka untuk mempelajari ilmu perniagaan yang mana mereka dapat meningkatkan pengetahuan bagaimana untuk meningkatkan perniagaan mereka. Kebanyakan daripada mereka berkata bahawa mereka belajar tentang ilmu perniagaan daripada pengalaman mereka.

“Akak takde masuk kelas apa-apa. Akak banyak belajar daripada pengalaman la. Orang cakap pengalaman mendewasakan kita (ketawa kecil).” (PB38/01)

Pengurusan Kewangan

Menurut PB56/03, beliau menyatakan bahawa pengurusan kewangan bukan perkara yang mudah untuk dilakukan. Oleh itu, pembelajaran informal ini sangat membantu informan yang khususnya pengusaha PKS.

“Senang je, bila mak cik tengok benda tu dan mak cik rasa sebelum ni mak cik tak pernah tahu pasal tu. Contohnya,

macam pengurusan kewangan la, bila mak cik dapat satu cara baru untuk uruskan kewangan dengan lebih baik jadi mak cik rasa itu satu pengetahuan baru.”

Kemahiran Menarik Pelanggan

Selain itu, kepentingan pembelajaran informal juga adalah untuk mempelajari cara menarik pelanggan. Pelanggan merupakan orang yang penting yang boleh menjamin perniagaan setiap informan. Menurut PB38/01:

“Akak ada juga dengar aduan daripada setiap customer dan cuba lah untuk memenuhi kehendak mereka tu. Dalam perniagaan ni customer lah orang yang penting sebab mereka pembeli dan mereka juga membawa keuntungan pada peniaga. Kalau akak tak ikut macam apa yang mereka nak mesti mereka tak nak datang beli kat kedai akak dah.”

Kemahiran Mengenal Item

Kepentingan pembelajaran informal juga adalah untuk mengenali setiap item yang dijual dengan lebih baik dan cekap. Bagi pengusaha, kemahiran mengenali setiap item merupakan satu perkara yang penting terutama apabila berhadapan dengan pelanggan yang sukar membuat pilihan. Oleh itu, pembelajaran informal merupakan satu sumber yang mudah untuk mereka pelajari sesuatu perkara baharu.

Kepelbagaian Produk

Kepentingan pembelajaran informal bagi beberapa informan juga adalah bagaimana mereka boleh mempelbagaikan produk yang dihasilkan bagi menarik minat lebih ramai pelanggan. Menurut PB57/04, beliau menyatakan bahawa tujuan beliau belajar bagaimana untuk mempelbagaikan produk adalah kerana terdapat beberapa peniaga lain menjual produk yang sama. Oleh itu, beliau perlu melakukan sesuatu untuk memajukan perniagaan beliau.

Pengurusan Stok

Pembelajaran informal merupakan satu sumber pembelajaran yang mudah untuk dipelajari dan merupakan satu perkara yang sangat penting kepada setiap informan. Hal ini kerana, melalui pembelajaran informal mereka mempelajari bagaimana untuk menguruskan stok perniagaan mereka dengan baik. Pengurusan stok yang baik boleh memberi kesan positif dalam perniagaan mereka.

Kesimpulannya, pembelajaran informal memberi impak yang besar kepada para pengusaha. Hal ini kerana, mereka mempelajari sesuatu berkaitan dengan perniagaan melalui aktiviti pembelajaran informal. Pembelajaran informal juga memberi kepentingan kepada para usahawan kerana mereka boleh memperoleh sesuatu maklumat dengan sendirinya dan pada bila-bila masa sahaja. Kepentingan pembelajaran informal juga dapat dilihat dengan lebih jelas daripada setiap jawapan yang diberikan oleh informan. Oleh itu, kajian ini dapat membuktikan bahawa pembelajaran informal mempunyai kepentingannya yang tersendiri kepada setiap pengusaha PKS.

Strategi Pembelajaran Informal Dalam Kalangan Pengusaha PKS

Strategi pembelajaran informal yang digunakan oleh pengusaha PKS merupakan objektif kajian yang kedua. Antaranya ialah pemerhatian, media massa, percubaan dan kesalahan, pengalaman dan aduan daripada pelanggan.

Pemerhatian

Pemerhatian yang dilakukan adalah melalui pelanggan, peniaga-peniaga lain dan ahli keluarga. Mereka yang terlibat dijadikan sebagai contoh untuk diterapkan dalam perniagaan mereka. Menurut beberapa informan, mereka menggunakan kaedah pemerhatian bagi meningkatkan mutu perniagaan mereka. Bagi mereka kaedah pemerhatian merupakan satu strategi yang akan mendatangkan kesan positif. PB47/05 menyatakan:

“Berdasarkan pemerhatian tu keropok lekor ni mudah untuk dikormesialkan dan sangat digemari ramai tanpa mengira kaum. Tambah lagi keropok lekor di kawasan ni tak banyak. Jadi sebab tu la mak cik rasa keropok lekor ni boleh jadi sumber pendapatan tetap.”

Media Massa

Kaedah media massa juga merupakan strategi pembelajaran informal yang digunakan oleh pengusaha PKS dalam meningkatkan perniagaan mereka. Media massa merupakan satu platform yang mudah dan dapat digunakan oleh setiap pengusaha pada bila-bila masa dan dimana sahaja. Contohnya, mereka menggunakan *Facebook*, *youtube*, melayari internet, dan televisyen. Menurut PB38/01 beliau menggunakan media massa bagi mendapatkan maklumat baharu.

Percubaan dan Kesalahan

Selain itu, terdapat juga beberapa informan menggunakan strategi percubaan dan kesalahan dalam perniagaan mereka. Melalui strategi ini mereka dapat mengetahui dengan lebih jelas hasilnya sama ada menjadi atau tidak. PB57/04 menegaskan:

“Cuba dan buat pun sama juga kerana macam mak cik cakap mak cik dan suami juga ada bela ikan. Oleh itu, mak cik boleh cuba dan buat pada ternakan mak cik sendiri. Kalau berjaya mak cik boleh recommend kan dekat pembeli.”

Pengalaman

Pengalaman merupakan satu strategi yang penting bagi pengusaha PKS. Hal ini kerana, mereka dapat mempelajari sesuatu daripada pengalaman yang mereka perolehi. Setiap informan mempunyai pengalaman yang berbeza dalam kehidupan mereka. Terdapat informan yang mendapat pengalaman daripada ahli keluarga dan juga daripada pengalaman bekerja sebelum memulakan perniagaan.

Aduan Daripada Pelanggan

Terdapat beberapa informan mengatakan mereka menerima aduan daripada pelanggan tentang produk yang mereka jual. Oleh itu, daripada aduan tersebut mereka mempelajari sesuatu yang baru dan cuba memperbaiki mutu produk mereka berdasarkan maklum balas daripada pelanggan tersebut. Strategi ini adalah merupakan satu proses pembelajaran daripada pelanggan semasaberniaga.

“Selain itu, mak cik juga belajar daripada rungutan orang kampung. Mereka banyak bagi nasihat dan beri komen tentang jenis makanan ikan yang mak cik jual. Kalau tak bagus mereka akan beritahu dan kalau bagus pun mereka akan beritahu dan terus menjadi pelanggan mak cik.” (PB56/04)

Rumusannya, strategi pembelajaran informal yang digunakan oleh pengusaha PKS adalah berdasarkan perkara yang mereka sendiri lalui. Strategi yang digunakan telah banyak membantu mereka meningkatkan perniagaan mereka. Pelbagai strategi pembelajaran informal yang dapat membantu pengusaha terutamanya daripada pengalaman. Beberapa informan telah menyatakan bahawa mereka menggunakan pengetahuan daripada pengalaman mereka namun terdapat informan yang banyak menggunakan strategi percubaan dan kesalahan untuk meningkatkan perniagaan mereka. Oleh itu, strategi yang digunakan oleh setiap informan adalah berbeza mengikut jenis perniagaan mereka.

Kesan Pembelajaran Informal Yang Berlaku Dalam Kalangan Pengusaha PKS

Pembelajaran informal memberi kesan positif kepada setiap pengusaha PKS. Kesan tersebut dapat dilihat daripada tiga segi iaitu pengetahuan, kemahiran dan sikap.

Pengetahuan

Setiap informan mempunyai peningkatan yang tersendiri daripada segi pengetahuan. Hal ini kerana mereka mempunyai sektor perniagaan yang berlainan. Namun begitu masih terdapat persamaan pada beberapa informan kerana mereka mempunyai peningkatan dari segi pengetahuan pengurusan kewangan.

“Kalau dari segi pengetahuan ni mak cik sekarang dah tahu macam mana nak berniaga dengan lebih baik, macam mana nak uruskan kewangan dan macam mana nak asingkan antara modal dan untung. Kalau ada kerugian mak cik dah dapat cara mengatasinya lah.” (PB56/03)

Kemahiran

Pembelajaran informal juga telah meningkatkan kemahiran pengusaha PKS. Melalui aktiviti-aktiviti pembelajaran informal, pengusaha PKS dapat mempelajari perkara baru sekali gus dapat mengasah kemahiran yang sedia ada.

“Kalau dari segi kemahiran, saya lebih mahir sekarang menyediakan atau menghasilkan produk baru. Pada mulanya saya ambil masa agak lama, mungkin kerana rasa kekok, tapi setelah berulang kali saya melihat video yang sama saya dah boleh buat dengan masa yang cepat.” (PB28/02)

Sikap

Selain daripada pengetahuan dan kemahiran, pembelajaran informal juga memberi kesan daripada segi sikap pengusaha PKS. Mereka boleh menilai sikap mereka sebelum dan selepas mempelajari sesuatu yang baru yang boleh digunakan dalam perniagaan mereka. Kesemua informan menyatakan bahawa mereka menjadi lebih penyabar apabila berhadapan dengan pelanggan. Hal ini kerana, mereka telah mempelajari daripada pengalaman, pemerhatian dan beberapa aktiviti lain.

“Kalau dari segi sikap, mak cik lebih pandai ambil hati pelanggan, sabar dengan sikap pelanggan yang pelik-pelik dan pandai mengelakkan diri daripada pelanggan yang suka berhutang.” (PB57/04)

Kesimpulannya, pembelajaran informal membantu meningkatkan pengetahuan, kemahiran serta sikap setiap informan. Pembelajaran informal merupakan satu platform untuk pengusaha PKS meningkatkan perniagaan mereka. Strategi yang digunakan banyak membantu informan meningkatkan pengetahuan mereka. Sebagai contoh, terdapat beberapa informan menyatakan bahawa pengetahuan mereka tentang pengurusan kewangan telah meningkat melalui strategi pembelajaran yang digunakan. Setiap informan mempunyai peningkatan yang berbeza-beza. Hal ini kerana, mereka menggunakan strategi yang berbeza-beza mengikut keperluan perniagaan mereka.

5.0 PERBINCANGAN DAN CADANGAN

Kepentingan Tentang Pembelajaran Informal Dalam Kalangan Pengusaha PKS

Berpandukan kepada dapatan kajian yang telah diperolehi, pengkaji mendapati bahawa terdapat enam kepentingan tentang pembelajaran informal kepada pengusaha PKS iaitu, ilmu perniagaan, pengurusan kewangan, kemahiran menarik pelanggan, kemahiran mengenali produk, kepelbagaian produk dan pengurusan stok.

Ilmu perniagaan merupakan satu perkara asas bagi setiap pengusaha PKS. Hal ini kerana, mereka perlu mengetahui dengan lebih mendalam bagaimana untuk memajukan perniagaan mereka. Selain itu, sebagai seorang usahawan, pengkaji merasakan bahawa mereka perlu mempunyai keinginan untuk menambahkan pengetahuan bagi meningkatkan ilmu perniagaan mereka. Oleh itu, mereka dapat membantu meningkatkan hasil pendapatan sekaligus dapat memudahkan pelanggan mereka. Abdul Aziz, Abdullah, Azlan Yahya, Osman Jusoh & Syahira Hamidan (2011) menyatakan bahawa usahawan juga merupakan individu yang mempunyai kebolehan, kecenderungan serta kemampuan untuk melakukan pembaharuan, mencari peluang perniagaan dan melakukan perniagaan yang akan memberi manfaat kepada diri sendiri dan jugamasyarakat.

Pengkaji dapat merumuskan bahawa setiap informan menggunakan platform yang terdapat dalam pembelajaran informal sebagai sumber pembelajaran mereka yang utama. Selain itu, mereka belajar daripada kesilapan mereka yang terdahulu dalam pengurusan kewangan perniagaan mereka. Hal ini kerana, Cseh, Watkins & Marsick (1998) mengatakan bahawa pembelajaran informal merupakan pembelajaran yang berlaku secara tidak sengaja yang boleh berlaku tanpa disedari atau daripada hasil percubaan danksalahan.

Salah satu kepentingan pembelajaran informal bagi pengusaha PKS adalah bagaimana untuk mempelajari cara untuk menarik lebih ramai pelanggan. Pengkaji juga turut merasakan bahawa seorang pengusaha perlu menjadi kreatif dan inovatif dalam menarik lebih ramai pelanggan. Bagi mencari lebih ramai pelanggan, pengkaji merasakan bahawa setiap pengusaha perlu membuat atau mencipta sesuatu yang baru. Oleh itu, pelanggan akan lebih tertarik jika terdapat penambahan dalam perniagaan mereka.

Kepentingan pembelajaran informal bagi pengusaha PKS adalah bagaimana untuk mengenali setiap produk yang dijual. Melalui aktiviti pembelajaran informal seperti media massa dan pengalaman, pengusaha dapat meningkatkan kemahiran mereka dari semasa ke semasa. Pengkaji merasakan apabila pengusaha tersebut dapat mengenali produk mereka dengan lebih mendalam, mereka dapat meningkatkan keyakinan pelanggan mereka. Hal ini kerana, terdapat informan menyatakan bahawa terdapat juga pelanggan yang tidak tahu apa yang ingin mereka beli. Oleh itu, apabila pengusaha telah mahir dalam mengenali setiap produk ianya akan memudahkan pengusaha mengenal pasti item yang ingin dibeli oleh pelanggan mereka.

Kepentingan pembelajaran informal bagi pengusaha PKS adalah bagaimana mereka ingin mempelbagaikan produk jualan mereka. Sebagai seorang pengusaha, pengkaji merasakan mereka perlu berani mengambil risiko untuk mencuba sesuatu yang baharu dalam perniagaan mereka. Melalui pemerhatian, percubaan dan kesalahan dan media massa, pengusaha dapat mencari sumber inspirasi mereka untuk mencuba sesuatu yang baharu dan sentiasa mengikut gaya terkini. Hal ini kerana, kini terdapat banyak persaingan dalam bidang perniagaan.

Cara menguruskan stok jualan mereka juga merupakan kepentingan pembelajaran informal bagi pengusaha PKS. Berdasarkan temubual bersama informan, pengkaji mendapati bahawa mereka melakukan pemerhatian terhadap peniaga lain. Melalui pemerhatian tersebut mereka mempelajari sesuatu yang baharu dan merasakan bahawa mereka perlu melakukan perubahan dalam perniagaan mereka.

Strategi Pembelajaran Informal Dalam Kalangan Pengusaha PKS

Berdasarkan kepada dapatan kajian yang telah diperolehi, pengkaji mendapati bahawa terdapat lima strategi pembelajaran informal yang digunakan oleh pengusaha PKS iaitu pemerhatian, media massa, percubaan dan kesalahan, pengalaman dan aduan dari pelanggan.

Pemerhatian merupakan strategi yang digunakan oleh pengusaha PKS dalam membangunkan perniagaan mereka. Pengkaji merasakan kaedah ini sesuai digunakan oleh pengusaha PKS. Hal ini kerana, pemerhatian boleh dilakukan di mana-mana sahaja dan pada bila-bila masa. Pengusaha mengatakan bahawa strategi ini digunakan kerana mereka memerhati gaya hidup terkini pelanggan mereka.

Selain itu, media massa juga merupakan strategi pembelajaran informal yang digunakan oleh pengusaha PKS. Contohnya, penggunaan *Facebook*, *Youtube*, melayari internet dan televisyen. Melalui platform tersebut mereka boleh mendapatkan maklumat yang terkini. Pengkaji juga merasakan bahawa pengusaha yang terdiri daripada golongan dewasa mempunyai keinginan sendiri untuk belajar sesuatu yang baru. Oleh itu, mereka akan menggunakan strategi ini sebaik mungkin bagi meningkatkan perniagaan mereka.

Strategi pembelajaran informal lain yang turut digunakan oleh pengusaha untuk memajukan perniagaan mereka adalah percubaan dan kesalahan. Strategi ini merupakan salah satu ciri-ciri pembelajaran informal. Menurut pengkaji, pembelajaran informal merupakan pembelajaran yang berlaku dalam kehidupan seharian. Sebagai contoh, apabila individu melakukan sesuatu percubaan dan jika menemui kegagalan mereka akan mencuba memperbaiki kesilapan tersebut sekaligus mencuba sehinggaberjaya.

Pengalaman juga salah satu daripada strategi pembelajaran informal yang digunakan oleh pengusaha PKS. Pengkaji juga turut merasakan bahawa pengalaman yang lepas membantu para pengusaha untuk melakukan sesuatu perubahan. Hal ini kerana, melalui pengalaman mereka juga pernah mengalami kegagalan. Oleh itu, dari pengalaman tersebut pengusaha belajar bagaimana untuk tidak mengulangi perkara yang sama dalam perniagaan mereka.

Strategi pembelajaran informal yang digunakan oleh pengusaha PKS adalah menerusi aduan daripada pelanggan. Melalui aduan daripada pelanggan pengusaha mencuba untuk memperbaiki kesilapan mereka. Strategi ini boleh digabungkan dengan strategi percubaan dan kesalahan. Hal ini kerana, apabila terdapat aduan daripada pelanggan, pengusaha akan terus memperbaiki kesilapan

tersebut. Oleh itu, pengkaji turut merasakan strategi ini boleh membantu pengusaha untuk memajukan perniagaan mereka.

Kesan Pembelajaran Informal Yang Berlaku Dalam Kalangan Pengusaha PKS

Dalam kajian ini, terdapat tiga kesan pembelajaran informal yang berlaku kepada pengusaha PKS. Kesan tersebut dapat dikenal pasti daripada tiga aspek iaitu pengetahuan, kemahiran dan sikap.

Kesan pembelajaran informal dari segi pengetahuan, pengusaha dapat meningkatkan pengetahuan mereka tentang perniagaan mereka. Contohnya, pengetahuan tentang pengurusan kewangan. Pengusaha merasakan terdapat perubahan dalam diri mereka terutama dalam menguruskan pengaliran keluar masuk duit. Melalui temubual pengkaji dapat merasakan bahawa pengusaha PKS telah mempunyai pengetahuan dalam pengurusan kewangan perniagaan mereka. Hal ini kerana, terdapat pengusaha yang menyatakan bahawa mereka pernah gagal dan mengalami kerugian. Namun begitu, dengan menggunakan strategi pembelajaran informal mereka dapat meningkatkan pengetahuan mereka tentang pengurusan kewangan.

Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa terdapat peningkatan dalam kemahiran pengusaha PKS seperti kemahiran mengenali setiap item dan cara berkomunikasi dengan pelanggan. Hampir kesemua informan yang ditemubual menyatakan bahawa mereka lebih mahir berkomunikasi dengan pelanggan. Hal ini kerana, terdapat segelintir pelanggan yang agak cerewet dan sukar untuk membuat pilihan. Oleh itu, pengusaha terpaksa mempelajari bagaimana untuk mengatasi masalah tersebut. Dalam sesi temubual yang dijalankan, pengkaji sendiri dapat melihat bagaimana pengusaha berkomunikasi dengan pelanggan dan mereka juga mengatakan bahawa komunikasi adalah satu perkara penting.

Berdasarkan dapatan kajian, kesemua informan menyatakan bahawa terdapat perubahan sikap mereka sebelum dan selepas berlakunya pembelajaran informal. Perubahan sikap yang diperkatakan ialah mereka lebih banyak bersabar. Hal ini kerana, setiap pelanggan mempunyai kerenah dan ragam- ragam yang berlainan. Pengkaji juga dapat menyimpulkan bahawa mereka bersikap lebih bersyukur kerana masih terdapat sumber pembelajaran yang lain untuk mereka. Informan menyatakan bahawa mereka tidak mempunyai tahap pendidikan yang tidak tinggi. Oleh itu, mereka lebih bersyukur kerana masih boleh menggunakan pembelajaran informal untuk meningkatkan pengetahuan mereka tentang perniagaan.

Cadangan Kepada Kajian Lanjutan

Kajian akan datang disarankan untuk menambahkan bilangan informan daripada pelbagai demografi seperti umur, jantina dan agama. Berdasarkan kajian pengkaji, golongan wanita lebih ramai memulakan perniagaan berbanding lelaki. Kajian akan datang boleh mendapatkan maklumat yang lebih banyak berkaitan dengan pembelajaran informal dalam kalangan usahawan PKS. Pengkaji akan datang juga disarankan untuk melakukan kajian menggunakan metodologi seperti *Grounded Theory* dan menggunakan kajian campuran kuantitatif dan kualitatif. Hal ini adalah untuk mendapatkan data yang lebih jelas dan memahami dengan lebih mendalam tentang pembelajaran informal dalam kalangan usahawan PKS. Selain itu, pengkaji akan datang juga boleh menggunakan kaedah analisis lain seperti kaedah hermeneutik. Hermeneutik adalah seni pemahaman dan bukan sebagai bahan yang telah pun difahami. Hermeneutik juga adalah sebahagian daripada seni pemikiran dan berlatarkan falsafah (Mueller, 1997).

6.0 KESIMPULAN

Kesimpulannya, kajian ini telah menjawab objektif dan persoalan-persoalan kajian yang diketengahkan dan memberi nilai tambah kepada pengalaman pembelajaran informal dalam kalangan pengusaha PKS. Kepentingan pembelajaran informal dalam kalangan pengusaha PKS adalah bagaimana mereka menambahkan pengetahuan mereka tentang ilmu perniagaan. Dalam kajian ini, tanpa strategi pembelajaran informal yang digunakan oleh pengusaha PKS amat sukar untuk pengkaji melihat kesan pembelajaran informal yang berlaku dalam kalangan pengusaha PKS. Pembelajaran informal merupakan pembelajaran yang berlaku di dalam kehidupan seharian mereka sama ada melalui pengalaman, pemerhatian, percubaan dan kesalahan atau melayari internet. Oleh itu, kajian yang dilakukan dapat mengupas segala persoalan bagaimana pengusaha PKS mengaplikasikan perkara tersebut dalam perniagaan mereka.

RUJUKAN

- Abdul Aziz Ab. Latif, Mohd Abdullah Jusoh, Mohd Azlan Yahya, Osman Jusoh & Syahiran Hamidon. (2011). *Asas Keusahawanan dan Pengurusan Perniagaan Kecil dan Sederhana*. Kelantan: Universiti Malaysia Kelantan.
- Azmi Abdul Manaf, Nik Hairi Omar dan Najwa Hanis Azmi (2012) Potensi Keusahawanan Dan Ciri- Ciri Keusahawanan Dalam Kalangan Pelajar Sekolah Menengah. *Proceedings of the 2nd. International Conference on Arts, Social Sciences & Technology Penang, Malaysia, 3rd. – 5th. March 2012*.
- Banci Ekonomi 2011, Profil Perusahaan Kecil dan Sederhana (tahun rujukan 2010), Jabatan Perangkaan Malaysia.
- Berg, S.A. dan Chyung, S.Y. (2008). Factors that Influence Informal Learning in the Workplace. *Journal of Workplace Learning*. 20(4): 229-244.
- Bhasah Abu Bakar & Yuslina Mohamed. (2013). *Metodologi Penyelidikan*. Negeri Sembilan: Penerbit Usim.
- Chinelo Igwenagu. (2016). *Fundamentals of research methodology and data bhasahction*. Enugu State University of Science and Technology.
- Cseh, M. (1991). Contextual Learning of Owners-Managers of Small, Successful Romanian Companies.

- Academy of Human Resource Development Conference Proceedings*. 927-933.
- Cseh, M., Watkins, K. E., and Marsick, V. J. (1998) "Re-conceptualizing Marsick and Watkins' Model of Informal and Incidental Learning in the Workplace." In K. P. Kuchinke (ed.), *Proceedings, Academy of Human Resource Development Conference*, Volume I (pp. 349–356), Baton Rouge, LA: Academy of Human Resource Development.
- Nur Fadiyah binti Ad Adnan. (2015). *Pengalaman Transformasi Perspektif Dalam Kalangan Individu Perempuan Awal Dewasa Terhadap Islam Sebagai Cara Hidup*. Ijazah Sarjana Muda (Pengurusan). Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.
- Hasmira binti Mokhtar (2017). *Pembelajaran Transformasi Dalam Kalangan Golongan Pengkid Dewasa Beragama Islam Di Kuala Lumpur*. Ijazah Sarjana Muda (Pengurusan). Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.
- Hasrul Hasnizam (2012). *Hubungan Antara Aktiviti Pembelajaran Informal Dengan Prestasi Pekerja Di Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis*. Ijazah Sarjana Sains (Pembangunan Sumber Manusia). Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.
- Laila Mohammad Kamaruddin, Nik Mustapha Shapri Abdul Latif & Zarina Salleh. (2004). 'Management of A Small Business' *Fundamentals of Entrepreneurship*. Selangor: Prentice Hall, pp. 1-27.
- LeJeune, N. F. (2002). *Problem-based learning instruction versus traditional instruction on self-directed learning, motivation and grades of undergraduate computer science students* (p. 1-184). University of Colorado at Denver.
- Livingstone, D.W. (2001). *Adults' Informal Learning: Definitions, Findings, Gaps, and Future Research*. NALL Working Paper #21.
- Malaysia. 2011. *Rancangan Malaysia Kesepuluh 2011-2015*.
- Marsick, V.J. dan Watkins, K.E. (2001). Informal and incidental learning, *New Directions for Adult and Continuing Education*, 2001 (89), 25-34.
- Merriam, S.B. dan Caffarella, R.S. (1991). *Learning in Adulthood: A Comprehensive Guide*, Jossey- Bass, San Francisco, CA.
- Merriam, S.B, Caffarella, R.S & Baumgartner, L. M (2007). *Learning In Adulthood: A Comprehensive Guide*. New York: John Wiley & Sons. Inc.
- Mohd Azhar Abd Hamid (2012). *Pengalaman Transformasi Perspektif Individu Cina Muslim Terhadap Agama Islam Di Johor Bharu*. Unpublished Ph.D Dissertation. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.
- Mohd Majid Konting. (1994). *Kaedah penyelidikan pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mueller, V. (1997). *The hermeneutics reader*. New York: The Continuum Publishing Company.
- Nik Siti Amanah Zuhri Binti Nik Omar. (2011). *Menyelesaikan Masalah Dalam Bidang Menggambar Aktiviti Kolaj Dengan Menggunakan Kaedah Demonstrasi Model Hidup Bagi Murid Prasekolah Bestari, Sk Pulau Rusa*. Ijazah Sarjana Muda Perguruan Pendidikan Prasekolah, Institut Pendidikan Guru Kampus Dato' Razali Ismail Kuala Terengganu.
- Norashidah Hashim, Norasmah Othman & Noraishah Buang. (2009). *Entrepreneurship Readiness Concept Based on Case Study of Small Medium Industry (SMI) Entrepreneurs in Malaysia*, *Jurnal Pendidikan Malaysia* 34(1) (2009): 187 – 203.
- Patton, M. Q. (1990). *Qualitative Evaluation and Research Methods* (2nd ed.). Newbury Park, CA: Sage Publications, Inc.
- Wilson, R.A., & Keil, F.C. (2001). *The MIT encyclopedia of the cognitive sciences*. MIT press.
- Zaimah R. & Sazuani Abdullah (2017). Tahap keupayaan usahawan dalam Perusahaan Kecil dan Sederhana di Kuala Terengganu. *GEOGRAFIA OnlineTM Malaysian Journal of Society and Space* 13 issue 4 (117-125).